

BAHASA PENJANA MINDA

BICARA KARYAWAN Bersama Zaiton Ajamain 

Pemeriksaan Bahasa Melayu di Sabah - Menyorot ke Belakang dan Melihat ke Hadapan

BAHASA Melayu telah lama bertapak di Sabah dan telah menjadi bahasa *lingua franca* dan bahasa penyatuan bagi masyarakat pelbagai kaum di Sabah seawal abad ke-15 lagi. Namun, sejak penjajahan Inggeris, bahasa Melayu kian terpinggir. Semangat Nasionalisme Melayu di Sabah kembali berkobar-kobar pada tahun 1950-an melalui gerakan kebangsaan yang memperjuangkan pemartabatan bahasa Melayu melalui perjuangan menegakkan syiar Islam seperti yang digiatkan oleh Persatuan Islam Putatan, Persatuan Islam Sabah atau Persatuan Islam Tawau. Persatuan agama ini di samping berdakwah turut mengembangkan bahasa Melayu.

Gerakan ini juga turut melibatkan guru dan kakitangan awam. Gerakan perjuangan kebangsaan ini juga turut didukung dan disokong oleh persatuan penulis yang bermula dengan Angkatan Gaya Baru atau AGABA dan Angkatan Penulis Sabah (PERPESA) yang dipimpin oleh Noraini Salleh atau Suhani S.

Selepas merdeka, dasar dan sistem pendidikan Sabah turut disusun semula supaya selaras dengan Semenanjung Tanah Melayu. Dalam tempoh 1960-an dan 1970-an, akhbar, majalah dan radio turut memainkan peranan dalam memupuk semangat kecintaan terhadap bahasa Melayu. Pada tempoh sepuluh

tahun selepas merdeka, sungguhpun bahasa Inggeris terus dijadikan bahasa rasmi (berdasarkan "20 perkara" penyertaan Sabah dalam Persekutuan Malaysia), para pejuang bahasa tetap bertekad mempercepatkan proses pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negeri Sabah.

Kerajaan turut memainkan peranan penting dalam usaha pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Beberapa program pengembangan diatur antaranya ialah "Kempen Bahasa Malaysia 1960 dan Bulan Bahasa Malaysia", yang dianjurkan sebagai usaha menggalakkan penggunaan bahasa Melayu di Sabah.

Langkah penting yang menunjukkan keseriusan dan iltizam kerajaan terhadap penggunaan bahasa Melayu, ialah pada 7 Mac 1972 apabila Dewan Undangan Negeri memutuskan agar semua urusan rasmi sama ada lisan atau tulisan dengan kementerian, jabatan, pejabat atau agensi kerajaan, dilaksanakan dalam bahasa Malaysia. Usaha pemartabatan bahasa Melayu (bahasa Malaysia) sebagai bahasa rasmi negeri Sabah ini dirancang secara berperingkat, sehinggalah pada 16 September 1973, apabila bahasa Melayu diisytiharkan sebagai bahasa rasmi oleh Ketua Menteri Sabah, ketika itu Tun Datu Mustapha.

Usaha kerajaan dalam pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di negeri Sabah

ini turut mendapat sokongan para penulis dan persatuan penulis. Oleh itu, penulis terus memainkan peranan penting dalam perkembangan bahasa Melayu, sejak sebelum merdeka sehingga kini. Hal ini ditegaskan oleh Yang Dipertua Badan Bahasa Sabah atau BAHASA, semasa berucap dalam Majlis Perasmian BAHASA Cawangan Labuan pada 9 Mei 1970. Menurut beliau, "perjuangan pemartabatan bahasa Melayu di Sabah adalah perjuangan BAHASA dan para penulis". Hal ini jelas apabila tidak lama selepas penubuhannya melalui "Seminar Bahasa dan Sastra Sabah" yang dianjurkan pada 5 hingga 6 Ogos 1970, para pejuang bahasa dan nasionalis membuat beberapa ketetapan, antaranya mendesak kerajaan supaya mengisytiharkan dengan segera bahasa Malaysia (Melayu) sebagai bahasa rasmi.

Tahun 1976 dianggap sebagai kemuncak kejayaan perjuangan memartabatkan dan memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan di negeri Sabah, yang dimanifestasikan melalui penubuhan DBP Cawangan Sabah pada 1 Januari 1977. Selepas penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, pengembangan bahasa Melayu di Sabah lebih terancang dan terarah. Namun, jalan di hadapan bukanlah satu jalan yang mudah, tetapi penuh cabaran dan dugaan.

GLOSARI SUKAN

lapik elektronik
(*electronic pad*) - (sukan renang)
Lapik elektronik yang berfungsi mencatat masa peserta setiap kali ia menyentuhnya apabila membuat pusingan dan menamatkan acara.

pernafasan beritma
(*rhythmic breathing*)
- (sukan renang)
Penarikan nafas ke dalam, ketika memalingkan kepala ke sisi dan menghembuskan nafas dengan kuat semasa kepala berada di dalam air.

acara pecut (*sprint events*)
- (sukan olahraga)
Acara lari pantas seperti acara 100 m, 200 m, 400 m, dan 4 x 100 m.

kasut pepaku (*spike shoe*)
- (sukan olahraga)
Kasut yang mempunyai tapak berpaku yang digunakan semasa pertandingan olahraga.

pukulan naik deras
(*under cutting*) - (sukan hoki)
Cara memukul bola bersudut luas yang menyebabkan bola naik laju. Dalam keadaan begini, pengadil akan menentukan, sama ada perkara ini menyalahi peraturan atau tidak.

- azizul_i@dbp.gov.my

KOSA KATA BAHARU

Haf tengah
Pemain atau kedudukan tengah dalam barisan pertahanan (berkenaan permainan bola sepak, hoki dsb.).

Bek
Pemain atau kedudukan barisan pertahanan (berkenaan permainan bola sepak, hoki dsb.).

Pentatlon
Pertandingan olahraga yang menghendaki setiap pesertanya mengambil bahagian dalam lima acara yang berlainan.

Voli
Tendangan atau pukulan balik (dalam bola sepak, tenis dsb.) yang dilakukan sebelum bola menyentuh tanah.

- zaiton5@dbp.gov.my

Pedoman Ejaan Jawi

Abjad tha [ث]

ABJAD tha [ث] merupakan abjad kelima dalam urutan abjad Jawi. Padanan abjad ini dalam abjad Rumi ialah abjad [s] atau [th]. Contohnya dalam ejaan Jawi adalah seperti yang berikut:

Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
thani	ثاني
waris	واريث
Isnin	اثنين

Dalam sistem ejaan Jawi abjad tha [ث] dapat menempati posisi awal kata, tengah kata dan akhir kata. Contohnya:

Awal kata	Tengah kata	Akhir kata
ثلجو	اثنين	ثلاث
ثلجي	مثالي	واريث
ثواب	مثقال	بحث

Cara penulisan abjad tha [ث] adalah seperti yang berikut:
Pertama, apabila abjad tha [ث] berada pada posisi awal kata, abjad ini dapat disambungkan dengan abjad yang mengikutinya. Contoh:

Ejaan Rumi	Posisi			Ejaan Jawi
	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	
salju	ثل	-	جو	ثلجو
salji	ثل	-	جي	ثلجي

Kedua abjad tha [ث] berada pada posisi tengah kata, abjad ini dapat disambungkan dengan abjad yang mendahuluinya atau yang mengikutinya. Contoh:

Ejaan Rumi	Posisi			Ejaan Jawi
	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	
mithali	م	ثا	لي	مثالي

Ketiga, abjad tha [ث] berada pada posisi akhir kata, abjad ini dapat disambungkan dengan abjad yang mengikutinya. Contoh:

Ejaan Rumi	Posisi			Ejaan Jawi
	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	
bahas	ب	-	حث	بحث
Selasa	ث	لا	ث	ثلاث
waris	وا	-	ريث	واريث

Walau bagaimanapun, abjad ini tidak dapat disambungkan dengan abjad alif [ا], ta marbutah [ة], d [د], zal [ذ], ra [ر], zai [ز] dan wau [و] yang mendahuluinya sama ada pada posisi tengah kata atau akhir kata.

Catatan: Abjad tha [ث] tidak produktif dalam bahasa Melayu.

BAHASA SUKUAN SABAH

Lagat

“Lagat” ialah kata serapan daripada bahasa Kedayan yang bermaksud kotoran yang telah lama melekat. Kata “lagat” dieja sebagai satu perkataan dan disebut dalam dua suku kata la-gat. Contoh penggunaannya adalah seperti dalam ayat berikut:

Sabun jenama baharu itu dikatakan boleh menghilangkan lagat pada pakaian.